

**KEFAHAMAN BELIA MUSLIM TERHADAP KONSEP  
KEBEBASAN BERAGAMA DENGAN ISU KELUAR AGAMA  
DALAM ISLAM: KAJIAN DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI  
SELANGOR**

Nazneen binti Ismail,<sup>1</sup> Kamal Azmi Abdul Rahman,<sup>1</sup> & Norsaleha Mohd Salleh<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

Correspondence Author: Nazneen binti Ismail. Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor. Tel: (60) 19-236 0477. Email: [nazneen@kuis.edu.my](mailto:nazneen@kuis.edu.my)

**ABSTRAK**

Isu keluar agama atau murtad dalam Islam mempunyai hubungan dengan hak kebebasan beragama. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti kefahaman belia Muslim terhadap definisi dan konsep kebebasan beragama, mengenal pasti kefahaman mereka tentang isu keluar agama serta hubungan antara kedua-duanya. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif bagi mendapatkan respons daripada pelbagai latar belakang. Sebanyak 404 soal selidik diedarkan kepada mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi terpilih sekitar Selangor. Sampel dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Dapatan kajian menunjukkan kefahaman belia Muslim tentang konsep kebebasan beragama adalah tinggi dengan skor min bernilai 4.33, kefahaman mereka tentang isu keluar agama juga tinggi dengan skor min bernilai 3.86. Seterusnya, hasil analisis Spearman menunjukkan terdapat perkaitan yang positif dan signifikan ( $p < .05$ ) antara kefahaman responden terhadap konsep kebebasan beragama dengan isu keluar agama dalam Islam. Dapatan ini menunjukkan kepentingan penekanan serta pendedahan kepada belia Islam berkenaan kebebasan beragama menurut Islam.

**Kata kunci:** *Kefahaman; Kebebasan; Agama, Belia; Muslim*

**(MUSLIM YOUTH UNDERSTANDING ON THE CONCEPT OF  
RELIGIOUS FREEDOM AND THE ISSUE OF APOSTASY IN ISLAM:  
A STUDY AT HIGHER LEARNING INSTITUTIONS OF SELANGOR)**

**ABSTRACT**

*The issue of apostasy in Islam is part of the right of religious freedom. The article aims to identify the Muslim youth understanding on the definition (concept) of religious freedom, their understanding on the issue of apostasy and the relationship between those two. The study uses descriptive quantitative approach in order to get*

*responses from various background of respondents. A total of 404 questionnaires were distributed to the students from selected institutes of higher learning in Selangor by using a purposive sampling method. The findings show that the Muslim youth understanding on the concept of religious freedom is high with a mean score of 4.33. Their understanding on the issue of apostasy is also high with a mean score of 3.86. Furthermore, Spearman result analysis show the significant and positive correlation between respondents understanding on the concept of religious freedom and their understanding on the issue of apostasy in Islam at  $p < .05$ . It can be concluded that the understanding on religious freedom has much bearing on the understanding of apostasy. This finding demonstrates it is important to expose Muslim youth on the concept of religious freedom according to Islamic perspective.*

**Kata kunci:** *Understanding; Freedom; Religion; Youth; Muslim*

Received: August 2, 2017

Accepted: November 17, 2017

Online Published: December 30, 2017

## 1. Pendahuluan

Kebebasan beragama adalah hak asasi setiap manusia. Ia difahami berdasarkan definisi dan sisi pandang yang pelbagai. Definisi yang digunakan secara meluas ialah seperti yang termaktub dalam Perisytiharan Sejangat Hak Asasi Manusia 1948 (UDHR 1948) serta Waad Antarabangsa Berkaitan Hak Sivil dan Politik 1966 (ICCPR 1966). Malaysia juga tidak terkecuali dengan adanya Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan yang mengiktiraf kebebasan agama bagi warganegaranya.

Dalam masa yang sama fasal ini sering dimanipulasi dan dipersoalkan oleh pelbagai pihak. Mereka berusaha untuk menafikan keistimewaan agama Islam dengan mencadangkan agar Perkara 11 ini diaplikasikan kepada semua kaum tanpa mengira sama ada Islam atau bukan Islam (Faisal 2015). Perkara ini ada hubungan dengan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan (Faridah dan Rohizan 2014). Ini menandakan Islam mempunyai kedudukan khusus berbanding agama lain di Malaysia dan menjadi tanggungjawab negara untuk mempertahankannya. Maka, sebarang perbuatan yang menentang Islam perlu dicegah termasuk perbuatan keluar dari Islam sesuka hati atau murtad. Setiap muslim dijamin hak beragamanya selagi mereka tertakluk kepada undang-undang Islam (Faisal 2015).

## 2. Kebebasan beragama dari perspektif Islam

Agama disebut sebagai al-Din dalam Bahasa Arab yang merangkumi maksud perkara berkaitan syiar, budaya, hukum peraturan, kaedah-kaedah yang menghubungkan antara kewujudan manusia dengan Tuhannya. Ia adalah fitrah setiap manusia dan berperanan dalam membentuk kehidupan di dunia yang juga mempunyai hubungan dengan kehidupan akhirat (al-Maraghi 2016).

Manakala kebebasan beragama merujuk kepada kebebasan individu untuk menganut dan meyakini apa sahaja perkara sama ada ia agama atau bukan. Ini bermakna seseorang itu bebas untuk memiliki kepercayaan tentang Tuhan. Kefahaman begini menjadikan seseorang mudah untuk melakukan penyelewengan atas nama agama seterusnya melakukan jenayah. Sedangkan agama memainkan peranan penting dalam pembentukan cara hidup, tingkah laku dan perbuatan. Melaluinya manusia

terhalang daripada melakukan kezaliman dan terdorong kepada kebaikan. Ia juga menghasilkan ketenangan kepada individu dan masyarakat (al-Maraghi 2016). Kebebasan ini juga tidak terhad kepada kepercayaan atau pilihan seseorang untuk menentukan agamanya, seseorang itu juga bebas untuk mengamalkan atau tidak agamanya serta bebas untuk mengisytiharkannya atau tidak. Kebebasan ini juga menggambarkan bahawa orang lain tidak boleh memaksa untuk tukar atau keluar agama yang telah dipilih. Sebarang pengisytiharan atau perlambangan agama juga adalah bebas selagi ia tidak melampaui batas undang-undang sebuah negara atau tempat. Batasan ini bertujuan memelihara keharmonian masyarakat dalam konteks yang lebih umum (Gibson, J.S. 2014).

Namun, Islam begitu mengambil berat berkenaan kesahihan dan keteguhan akidah seorang Muslim. Ia kerana kepincangan yang berlaku akan menjadikan manusia cenderung melakukan jenayah hingga mengakibatkan kecelaruan dalam masyarakat. Keimanan yang sebenar menjadikan Muslim itu berfikir sebelum melakukan maksiat, hatinya sentiasa sedar akan tindakan jasadnya. Setiap perkara dinilai dari aspek perintah atau larangan Allah SWT. Maka, iman yang benar dan kukuh menghasilkan individu yang jauh daripada maksiat (al-Maraghi 2016).

Pengiktirafan terhadap agama bagi manusia ini juga diberikan kepada orang bukan Muslim. Firman Allah SWT dalam al-Kafirun ayat 6:

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ﴿٦﴾

Maksudnya:

*Untukmu agamamu, dan untukkulah, agamaku.*

Begitu yang diamalkan oleh para khulafa' sepanjang pemerintahan mereka. Masyarakat bukan Islam diberikan kebebasan untuk memberi pandangan dan beramal dengan agama masing-masing. Kebebasan beragama yang dimaksudkan ialah bebas untuk menganut, beramal sama ada secara sembunyi mahupun terang termasuk juga bebas untuk tidak beragama. Islam juga mengkehendaki penganutnya beriman dengan para rasul terdahulu dan kitab-kitab mereka tanpa rasa taksub terhadap Yahudi dan Nasrani (al-Maraghi 2016).

Dalam sejarah pemerintahan Rasulullah SAW, Piagam Madinah merupakan realisasi terhadap pembinaan sebuah Negara Islam. Melaluinya, hak semua warga diiktiraf meskipun berbeza suku kaum dan agama. Setiap kelompok mereka bersetuju untuk saling membantu dalam memelihara hak sesama mereka. Ini menjadikan kebaikan, mempertahankan maslahat Negara dan kehormatan sebagai asas kesatuan masyarakat. Di samping itu, perjanjian ini turut mengiktiraf kepercayaan dan syiar-syiar agama lain serta memberi kebebasan dalam melakukan ajakan kepada agama masing-masing (Ahmad Shalaby 1996).

Perkara ini jelas termaktub dalam Fasal 25 yang menyatakan bahawa kaum Yahudi bebas memeluk agama mereka seperti juga kaum Muslimin bebas memeluk agama mereka. Jaminan ini tertakluk kepada mereka yang tidak melakukan kekacauan terhadap orang lain. Manakala Fasal 20 menyatakan bahawa pembelaan terhadap darah dan harta orang kafir adalah tidak dibolehkan dalam keadaan ia merugikan orang mukmin. Secara zahir, dua fasal ini menunjukkan keutamaan Islam dan mukminin dalam pengiktirafan hak kebebasan warga bukan Islam (Ahmad Shalaby 1996). Firman Allah SWT dalam al-Taubah ayat 29:

قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَنْ يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ



Maksudnya:

*Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak (pula) kepada hari kemudian, dan mereka tidak mengharamkan apa yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya dan tidak beragama dengan agama yang benar (agama Allah), (yaitu orang-orang) yang diberikan Al-Kitab kepada mereka, sampai mereka membayar jizyah dengan patuh sedang mereka dalam keadaan tunduk.*

Sehubungan ini, Islam meletakkan orang bukan Islam dalam Negara Islam yang telah berjanji taat setia kepada Negara dan memelihara kehormatan warganegara yang lain sebagai Ahl Dhimmah. Mereka mempunyai kedudukan yang istimewa apabila diberikan hak yang sama seperti kaum Muslimin. Antara hak yang dimaksudkan ialah hak untuk dipelihara daripada musuh luar, hak dipelihara daripada kezaliman dari dalam Negara, hak pemeliharaan darah dan badan, hak dipelihara harta dan maruah, jaminan terhadap golongan tua, lemah dan fakir serta kebebasan beragama (Umar 2003). Firman Allah SWT dalam al-Baqarah ayat 256:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya:

*Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. Karena itu barang siapa yang ingkar kepada Thaghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang amat kuat yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.*

Ayat ini menjadi bukti Islam tidak memaksa penganut agama lain untuk memeluk Islam. Namun, ia juga bukan bermaksud membolehkan berlakunya riddah atau keluar daripada Islam. Bahkan, riddah tidak hanya merupakan dosa tetapi juga satu bentuk jenayah dalam Islam dan membolehkan pelakunya dikenakan tindakan undang-undang. Ini kerana ia mempunyai implikasi yang sangat besar terhadap masyarakat Muslim dan undang-undang Islam itu sendiri (al-Alwani 2011).

Paksaan di sini juga merujuk kepada kebebasan yang Allah SWT berikan kepada manusia untuk memilih agama sendiri meskipun Dia Maha Berkuasa untuk menjadikan kesemua manusia beriman kepada-Nya (al-Quran, 10:99). Al-Sya<sup>c</sup>rawi (1991) berpandangan melalui ayat ini Allah SWT memberitahu bahawa manusia tidak beriman kepada-Nya secara paksa tetapi hanya mereka yang benar-benar memilih atas kerelaan dirinya dan dengan rasa cinta akan beriman kepada-Nya. Kebebasan memilih ini juga akan diadili di akhirat kelak di hadapan Allah SWT (al-Sya<sup>c</sup>rawi 1991).

Kebebasan beragama dalam Islam memiliki batasannya yang tersendiri iaitu memberi kebebasan kepada individu untuk memilih kepercayaan mereka sendiri tanpa

ada paksaan kepada sesiapa yang bukan Islam untuk memeluk Islam. Selain itu, setiap Muslim tidak dibolehkan untuk keluar daripada agama tanpa sebab yang diterima dalam Islam. Muslim juga terikat dengan hukum-hukum Islam dan tidak mempunyai kebebasan untuk membuat sebarang tafsiran terhadapnya yang bercanggah dengan dasar syariah, akidah dan akhlak. Maka, umat Islam tidak melihat bahawa masyarakat perlu dipaksa untuk memeluk Islam tetapi dakwah kepada mereka perlu dijalankan dengan hikmah, peringatan yang baik dan perdebatan yang harmoni. Tujuan kebebasan beragama juga adalah lebih kepada mewujudkan perdamaian antara manusia, menghindari konflik antara agama dan memelihara jati diri umat Islam (Tri Yuliana 2016).

### 3. Perbahasan keluar agama dalam Islam

Keluar agama atau murtad ialah sesuatu perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebutkan oleh seorang Muslim mukallaf yang menyebabkan dia keluar dari agama Islam. Terdapat tiga sebab seorang Muslim boleh menjadi murtad iaitu iktikad (kepercayaan), perbuatan yang sengaja dan perkataan yang sengaja (Sa'id 1996; MAIS 2014). Bagi yang telah beriman kemudian murtad, maka Allah SWT menjanjikan azab yang pedih. Firman Allah dalam al-Nisa' ayat 137:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا ثُمَّ كَفَرُوا ثُمَّ ءَامَنُوا ثُمَّ كَفَرُوا ثُمَّ ءَزَادُوا كُفْرًا لَّمْ يَكُنِ اللَّهُ لِيُغْفِرْ لَهُمْ وَلَا لِيَهْدِيَهُمْ



Maksudnya:

*Sesungguhnya orang-orang yang beriman kemudian kafir, kemudian beriman (pula), kemudian kafir lagi, kemudian bertambah kekafirannya, maka sekali-kali Allah tidak akan memberi ampunan kepada mereka, dan tidak (pula) menunjuki mereka kepada jalan yang lurus.*

Antara perkara yang melibatkan murtad disebabkan iktikad ialah tidak mengakui bahawa Allah SWT ialah Tuhan yang berhak disembah, tidak mengakui atau ragu-ragu bahawa Nabi Muhammad itu utusan Allah SWT atau mengingkari salah seorang rasul yang terdahulu, tidak mengakui bahawa al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dengan perantaraan Jibril, tidak mempercayai dan meragui hukum-hukum Allah SWT dalam al-Quran dan hadis, tidak mengakui kewujudan para malaikat, tidak mengakui atau ragu-ragu tentang kedatangan Hari Kiamat dan yang berkaitan dengannya, tidak mempercayai qada' dan qadar datang dari Allah SWT, tidak mengakui atau ragu-ragu menerima ijmak para sahabat, menghalalkan perkara yang diharamkan Allah SWT dengan dalil qat'î, mengharamkan perkara yang dihalalkan Allah SWT dengan dalil qat'î, mengingkari perkara-perkara yang telah diketahui oleh semua orang Islam dalam perkara yang ditetapkan agama serta tidak mengakui kewajipan yang telah disabitkan dengan dalil qat'î (Sa'id 1996).

Seterusnya, murtad yang disebabkan perbuatan antaranya ialah sujud menyembah berhala, sujud menyembah bulan dan matahari, sujud kepada makhluk lain, membuang al-Quran atau hadis Nabi SAW ke dalam najis dan memijak-mijaknya. Perbuatan ini sama ada dilakukan dengan sengaja atau sombong atau hendak menghina agama Islam, ia boleh menjadikan seseorang itu murtad atau kafir. Selain itu, mengeluarkan kata-kata yang menjurus kepada kekufuran juga boleh

menjatuhkan seseorang kepada murtad seperti mengatakan Allah SWT ada sekutu dan berbilang-bilang, atau mengatakan Allah SWT tidak berkuasa atas alam, mengatakan syariat Islam bukan untuk mengatur hubungan antara individu dengan masyarakat dan Negara, mengatakan hukum Islam tidak wajib dilaksanakan sekarang kerana tidak sesuai, mengatakan tafsiran ulama terhadap ayat al-Quran tidak lagi relevan, mengatakan qada dan qadar bukan datang dari Allah SWT, mengatakan Allah SWT adalah salah satu dari tiga Tuhan selain Isa, Maryam dan Ruh al-Qudus dan seumpamanya (Sa'id 1996).

Berhubung hukuman terhadap pelaku murtad, maka para ulama merujuk kepada hadis Rasulullah SAW iaitu:

مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ

(al-Nasa'i, Sunan, Kitab Tahrim al-Dam, Bab al-Hukm fi al-Murtad, no. 3991).

Maksudnya:

*Sesiapa yang menukar agamanya, maka bunuhlah dia.*

وَالَّذِي لَا إِلَهَ غَيْرُهُ لَا يَحِلُّ دَمُ رَجُلٍ مُسْلِمٍ يَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَّا ثَلَاثَةً نَعَرَ  
التَّارِكُ الْإِسْلَامَ لِلْمَجْمَاعَةِ أَوْ الْجَمَاعَةِ شَكَ فِيهِ أَحْمَدُ وَالتَّيَّبُ الزَّانِي وَالتَّنْفُسُ بِالنَّفْسِ

(Muslim, Sahih, Kitab al-Qasamah wa al-Muharibin wa al-Qisas wa al-Diyat, Bab Ma Yubahu bihi Dam al-Muslim, no. 3176).

Maksudnya:

*Demi Yang Tiada Tuhan selain-Nya, tidak dihalalkan darah seorang lelaki Muslim yang bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Aku adalah Rasulullah melainkan tiga kelompok; yang meninggalkan Islam, yang memisahkan diri dari jemaah, orang yang berkahwin yang berzina dan membunuh jiwa dengan jiwa.*

Maka, dalam hal ini empat imam mazhab bersepakat bahawa pelaku murtad wajib dibunuh tanpa syarat dengan diberi peluang untuk bertaubat sebelumnya. Imam Abu Hanifah berpandangan pelaku perlu diberi ruang untuk mengemukakan keraguannya terhadap Islam. Kemudian, penjelasan diberikan sebaiknya agar jelas tentang perkara yang diragukan. Selepas itu, jika dia enggan untuk bertaubat dalam masa tiga hari maka hukumannya dibunuh. Tetapi bagi pesalah wanita, mereka akan dipenjara sehingga mati atau kembali bertaubat. Sedangkan jumhur ulama fiqh menyatakan hukuman bagi pelaku murtad sama ada lelaki atau wanita adalah sama iaitu dibunuh (Abdul Qodir 1998).

Imam al-Syafii pula berpandangan bahawa pelaku murtad perlu diberi tempoh masa selama tiga hari untuk bertaubat. Jika enggan, maka dia dibunuh. Imam Malik menetapkan pelaku murtad diberi tempoh selama tiga hari tiga malam bermula dari hari dia menyatakan keluar dari Islam, bukan ketika hari dia tidak beriman atau hari dituduh keluar dari Islam. Mazhab Hanbali pula mempunyai dua pandangan dari sudut tempoh bertaubat. Ada yang menyatakan perlu diberi tempoh dan ada juga pandangan pelaku murtad tidak perlu diberi tempoh bertaubat. Jika pesalah memilih

untuk kembali Islam, maka dia bebas dan jika sebaliknya maka dia dihukum bunuh (Abdul Qodir 1998).

Siti Norayu dan Azizah (2014) mengemukakan tiga kategori orang murtad. Pertama ialah orang murtad tetapi menyembunyikannya atau hanya diketahui oleh orang terdekat. Mereka ini tidak dikenakan hukum hudud tetapi diserahkan kepada Allah SWT balasannya di akhirat kelak. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 217:

وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَن دِينِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ  
وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Maksudnya:

*Barangsiapa yang murtad di antara kamu dari agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.*

Kategori kedua pula ialah orang yang murtad dan menzahirkannya dengan apa cara sekalipun seperti media sosial, akhbar dan sistem pesanan ringkas (SMS). Mereka ini perlu diperintahkan bertaubat sebelum dijatuhkan hukuman bunuh. Meskipun perintah taubat tidak dinyatakan dalam nas al-Quran dan hadis, tetapi ia memiliki maslahat dan merupakan perkara yang baik untuk dilakukan. Kategori ketiga ialah mereka yang murtad, menzahirkan dan menyerang Islam dengannya. Hukuman kepada mereka adalah bunuh dan wajib diperangi. Jika ada yang tertangkap, maka mereka disuruh bertaubat sebelum dihukum bunuh.

Dalam hal ini, Majlis Agama Islam Selangor (2014) menggunakan pendekatan yang berbeza apabila mendepani dua kelompok ini. Bagi yang murtad dan memerangi Islam, hukumnya adalah bunuh manakala mereka yang murtad tetapi tidak memerangi Islam, mereka perlu diseru untuk bertaubat dan kembali kepada Islam. Realiti di Selangor, antara tanda berlakunya jenayah murtad ini ialah melalui permohonan tukar agama, permohonan tukar nama Melayu-Islam, peminggiran cara hidup Islam oleh saudara baru dan permohonan tukar agama bagi saudara baru.

Hikmah di sebalik hukuman ini ialah untuk menghalang fitnah dari berleluasa dalam masyarakat Islam sama ada jenayah ini berlaku di peringkat individu mahupun kelompok. Ini kerana ia tetap memberi kesan dalam merosakkan sistem Islam yang berperanan mengurus hal ehwal kehidupan masyarakat umum. Bagi individu yang menyembunyikan kemurtadan, dia akan berlaku munafik apabila berada di khalayak. Bagi kelompok yang menzahirkan murtad dan mereka yang memerangi Islam, fitnahnya adalah lebih besar. Bagi mengekang perkara ini dari berleluasa, maka hukuman bunuh adalah penyelesaian terbaik (Siti Norayu dan Azizah 2014).

Perbezaan tindakan yang dikenakan ke atas pesalah murtad merupakan isu yang diketengahkan oleh sebahagian pengkaji. Antaranya Cook (2006) menyatakan golongan murtad yang diperangi adalah dalam kalangan mereka yang menimbulkan ancaman kepada masyarakat dan pemerintah manakala mereka yang murtad atas sebab politik tidak dijatuhkan hukuman bunuh. Perkara ini turut ditimbulkan oleh al-Alwani (2011) yang berpandangan bahawa golongan murtad yang menimbulkan pemberontakan terhadap kerajaan Islam wajib diperangi dan dihukum bunuh tetapi golongan yang murtad tanpa menimbulkan masalah kepada masyarakat perlu diberi

kebebasan. Ia kerana pilihan mereka untuk murtad adalah berpunca daripada keraguan dalam diri terhadap agama yang dianuti. Hujah beliau jika murtad bentuk ini juga dihukum bunuh, ia menggambarkan Islam tidak mengiktiraf kebebasan membuat pilihan yang diberi kepada manusia.

Dalam hal ini, al-Alwani (2011) berhujah kepada ayat al-Quran yang hanya menyebutkan perihal dosa dan janji azab Allah SWT kepada pelaku murtad. Sebaliknya, al-Quran tidak menyatakan kewajipan membunuh mereka atau memaksa mereka untuk kembali beriman kepada Allah SWT. Al-Quran hanya menggambarkan golongan yang murtad ini sebagai gagal dan tidak upaya meneruskan perjalanan menuju Allah SWT lalu membuat keputusan untuk mengundurkan diri daripada menjadi mukmin. Maka, tekanan, gangguan psikologi, rasa tidak selamat, kehilangan mental yang integriti dan ketenangan hati merupakan balasan yang paling tepat untuk mereka ketika di dunia. Selain itu, mereka juga dijanjikan azab neraka di akhirat kelak. Kerana itu beliau berpandangan bahawa isu murtad adalah melibatkan hubungan antara Tuhan dengan pelaku. Tidak perlu ada campur tangan luar selagi mereka tidak melakukan penentangan nyata dengan kerajaan dan masyarakat Islam.

Pandangan yang menyatakan hukum murtad adalah bertentangan dengan tiada paksaan dalam agama merupakan antara syubhat yang sering ditimbulkan oleh mereka yang mendakwa memperjuangkan hak asasi manusia. Sedangkan kedua-dua perkara ini tidak mempunyai perkaitan. Hukum murtad ditujukan kepada mereka yang menzahirkan kemurtadan selepas dia menjadi Muslim. Manakala tiada paksaan dalam agama merujuk kepada pemilihan agama yang dilakukan oleh individu (Siti Norayuz dan Azizah 2014).

Sedangkan dari satu aspek, isu murtad menjadi tumpuan para pengkaji Barat kerana mereka melihat ia adalah salah satu kaedah untuk menjalankan aktiviti kristianisasi terhadap muslimin (Cook 2006). Ia dibuktikan dengan terdapat sejumlah penulisan berhubung perkara ini seperti Samuel Zwemer (1952) yang menulis buku *The Law of Apostasy In Islam* bertujuan untuk menggalakkan Muslim untuk menukar agama kepada Kristian. Selain itu, R. Peters and G.J.J. de Vries menghasilkan *Apostasy in Islam* pada tahun 1976. Antara lain penulisan W. Heffening bertajuk *Murtadd* yang dimuatkan dalam *The Encyclopedia of Islam*. Kedua-dua karya ini membincangkan isu murtad dari aspek perundangan dan cenderung merujuk Islam sebagai tidak terkehadapan dalam isu hak kebebasan manusia. Usaha untuk mengetengahkan murtad dalam Islam juga dilakukan oleh Joel Kraemer dengan memasukkan juga hadis-hadis berkaitan. Namun, Cook (2006) berpandangan penulisan ini masih lagi sekitar hukum murtad dan perkara berkaitannya. Hal ini adalah kerana tidak terdapat banyak sumber berhubung kes-kes murtad yang berlaku sepanjang sejarah Islam dan hanya diketengahkan apabila melibatkan individu-individu utama atau apabila terdapat hukuman dijatuhkan. Hasilnya, isu murtad tidak dapat dilihat secara menyeluruh dan kesimpulan jelas tidak dapat dilakukan.

Dapatan Cook (2006) menunjukkan adanya hubungan antara pengislaman kelompok masyarakat dengan murtad selepas itu. Ini bermakna murtad adalah perkara yang wujud sepanjang zaman terutama melibatkan mereka yang asalnya beragama Kristian atau Yahudi kemudian memeluk Islam sama ada secara rela atau paksa akhirnya kembali murtad. Pengislaman sementara ini juga dikaitkan dengan jaminan hidup yang lebih baik berbanding jika mereka kekal dalam agama asal. Selain itu, terdapat juga sejumlah mereka yang memeluk Islam di Negara Islam kemudiannya berpindah ke Negara lain seperti Eropah untuk kembali murtad kepada agama asal. Cook (2006) juga mengenal pasti beberapa faktor murtad dalam kalangan Muslim antaranya ialah kehendak diri sendiri, cinta, tekanan akibat peperangan dan faktor

politik. Manakala MAIS (2014) menyenaraikan sejumlah faktor yang dirangkumkan kepada dalaman dan luaran. Faktor dalaman merujuk kepada kejahilan diri dan keinginan meneroka perkara baru. Faktor luaran pula melibatkan aspek kebendaan, kelemahan penguatkuasaan, desakan hidup, perkahwinan, kelemahan umat dan usaha pendakwah agama lain khususnya Kristian.

#### **4. Metodologi kajian**

Kajian ini berbentuk kaedah tinjauan. Ia bersifat deskriptif kuantitatif melalui kaedah keratan rentas (cross-sectional) iaitu pemboleh ubah-pemboleh ubah akan diukur pada masa yang sama iaitu menggunakan satu borang soal selidik. Ini kerana kajian ini bertujuan mengkaji persepsi, pendapat atau trend masyarakat terhadap sesuatu isu. Kajian ini menggunakan pendekatan persampelan bertujuan dengan fokus kepada mahasiswa Muslim. Sampel diambil daripada beberapa buah IPT sekitar Selangor. Pemilihan ini dilakukan kerana sampel diyakini mampu menepati objektif kajian di samping sifatnya boleh dicapai (reachable) oleh pengkaji. Sejumlah 404 orang mahasiswa telah dijadikan sampel kajian dan data yang diperoleh dianalisis.

Borang soal selidik berstruktur telah diedarkan dengan mengandungi pilihan jawapan untuk responden dalam memberi respons kepada perkara yang menjadi fokus kajian. Instrumen ini dipilih dengan anggapan awal bahawa responden mempunyai maklumat asas tentang kebebasan beragama dan isu tukar agama menurut Islam. Responden hanya perlu memberikan tahap persetujuan mereka kepada item yang dikemukakan. Selain itu, kaedah ini tidak melibatkan huraian jawapan daripada responden. Mereka hanya perlu menandakan jawapan yang disusun berdasarkan skala Likert.

#### **5. Dapatan Kajian**

Dapatan kajian ini berhubung kefahaman mahasiswa Islam terhadap konsep hak kebebasan beragama dan hubungannya dengan isu pertukaran agama.

##### **5.1 Demografi Responden**

Sebanyak 404 set soal selidik telah diedarkan kepada mahasiswa IPT yang terpilih. Perlu dinyatakan bahawa dapatan ini tidak boleh digeneralisasikan kerana sifatnya persampelan bertujuan. Jadual 1 menunjukkan demografi responden kajian ini meliputi institusi pengajian, jantina, umur, asal, peringkat pengajian, bidang pengajian, sekolah menengah terakhir, sektor pekerjaan dan penglibatan organisasi.

*Jadual 1. Demografi responden*

| <b>Faktor</b>    | <b>Kategori</b> | <b>Kekerapan</b> | <b>Peratus</b> |
|------------------|-----------------|------------------|----------------|
| <b>Institusi</b> | IPTA            | 240              | 59.4           |
|                  | IPTS            | 164              | 40.6           |
| <b>Jantina</b>   | Lelaki          | 186              | 46             |
|                  | Perempuan       | 218              | 54             |
| <b>Umur</b>      | 18 - 25 tahun   | 383              | 94.8           |
|                  | 26 - 40 tahun   | 21               | 5.2            |
| <b>Asal</b>      | Bandar          | 281              | 69.6           |

|                               |                         |                 |      |
|-------------------------------|-------------------------|-----------------|------|
|                               | Luar bandar             | 123             | 30.4 |
| <b>Peringkat Pengajian</b>    | Prasiswazah             | 338             | 83.3 |
|                               | Pascasiswazah           | 51              | 12.5 |
|                               | Lain-lain               | 15              | 3.7  |
|                               | <b>Bidang Pengajian</b> | Pengajian Islam | 81   |
|                               | Bukan Pengajian Islam   | 323             | 80   |
| <b>Sekolah Menengah</b>       | Sekolah Aliran Agama    | 189             | 46.8 |
|                               | Sekolah Aliran Biasa    | 215             | 53.2 |
| <b>Sektor Pekerjaan</b>       | Kerajaan                | 11              | 2.7  |
|                               | Swasta                  | 28              | 6.9  |
|                               | Tiada                   | 265             | 90.3 |
| <b>Penglibatan Organisasi</b> | Kerajaan                | 7               | 1.7  |
|                               | Swasta                  | 49              | 12.1 |
|                               | Tiada                   | 348             | 86.1 |

Demografi responden menunjukkan sejumlah pelajar IPT dipilih bagi membantu kajian. 59.4 peratus daripadanya adalah mahasiswa IPTA manakala 40.6 peratus lagi adalah dari IPTS. Dari segi jantina, responden perempuan adalah lebih ramai iaitu 54 peratus manakala responden lelaki 46 peratus. Umur responden juga 94.8 peratus daripada keseluruhan adalah bawah 25 tahun. Ia dilihat selari dengan peringkat pengajian mereka yang menunjukkan 83.3 peratus adalah mahasiswa prasiswazah dan selebihnya pascasiswazah atau lain-lain peringkat pengajian. Oleh kerana kajian melibatkan pengetahuan dan kefahaman responden tentang agama, maka latar belakang pengajian juga diambil kira. Dari segi sekolah menengah terakhir, 53.2 peratus daripada responden bersekolah menengah kebangsaan biasa dan 46.8 peratus daripada mereka adalah dari sekolah aliran agama. Begitu juga dengan bidang pengajian, 80 peratus responden sedang mengikuti program selain pengajian Islam manakala 20 peratus sahaja mengikuti program pengajian Islam di IPT. Selain itu, aspek pendedahan responden kepada kegiatan luar turut dikaji dengan melihat penglibatan mereka dalam organisasi. 86.1 peratus mahasiswa tidak melibatkan diri dalam mana-mana organisasi manakala selebihnya terlibat dalam organisasi sama ada kerajaan, 1.7 peratus mahupun swasta 12.1 peratus.

## ***5.2 Kefahaman Mahasiswa Muslim tentang Isu Pertukaran Agama dan Hubungannya dengan Konsep Kebebasan Beragama***

Dapatan kajian dimulakan dengan pembentangan taburan min kefahaman responden berkenaan konsep kebebasan beragama, taburan min kefahaman responden berkenaan isu murtad di Malaysia dan hubungan antara kedua-dua perkara ini.

### **5.2.1 Taburan min kefahaman responden berkenaan konsep kebebasan beragama.**

Taburan kekerapan dan min bagi tujuh item di bahagian kefahaman responden ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2.** Kekerapan dan min kefahaman responden berkenaan konsep kebebasan beragama

| Bil                | Item   | Min  | SP   | Tahap     |
|--------------------|--|------|------|-----------|
| 1.                 | Setiap individu diberikan kebebasan untuk memeluk agama Islam.                             | 4.69 | 0.67 | Tinggi    |
| 2                  | Perlembagaan negara menjamin hak kebebasan beragama.                                       | 4.16 | 0.90 | Tinggi    |
| 3.                 | Tiada paksaan penganut agama lain untuk memeluk agama Islam.                               | 4.73 | 0.53 | Tinggi    |
| 4.                 | Agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai.                                    | 4.54 | 0.73 | Tinggi    |
| 5.                 | Setiap individu berhak menganuti dan mengamalkan agamanya.                                 | 4.55 | 0.70 | Tinggi    |
| 6.                 | Setiap individu diberikan kebebasan menukar agama secara terbuka.                          | 3.42 | 1.28 | Sederhana |
| 7.                 | Penyebaran mana-mana agama tidak sepatutnya menggugat ketenteraman awam dan prinsip moral. | 4.20 | 0.95 | Tinggi    |
| <b>Keseluruhan</b> |  | 4.33 | 0.82 | Tinggi    |

Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa kefahaman responden terhadap konsep kebebasan beragama adalah tinggi berdasarkan min keseluruhan 4.33. Ini bermakna responden dari kalangan mahasiswa Muslim mempunyai kefahaman yang baik berkenaan konsep ini. Kebebasan beragama dalam Islam menggambarkan pengiktirafan Islam terhadap kewujudan agama lain dengan memberi kebebasan dalam memilih agama. Kebebasan ini juga bakal diadili dan dihakimi oleh Allah SWT di akhirat kelak (al-Maraghi 2016). Kesefahaman antara penganut agama adalah penting bagi menjamin kesejahteraan negara seperti yang termaktub dalam Piagam Madinah (Ahmad Shalaby 1966). Ini membuktikan Islam adalah agama yang mengiktiraf peranan akal dan psikologi insan.

### 5.2.2 Taburan min kefahaman responden berkenaan isu tukar agama

Taburan kekerapan dan min bagi enam item di bahagian kefahaman responden tentang keluar agama atau murtad ditunjukkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3.** Kekerapan dan min kefahaman responden tentang keluar agama

| Bil | Item  | Min  | SP   | Tahap     |
|-----|---|------|------|-----------|
| 1.  | Syariah Islam melarang Muslim untuk menukar agamanya.   | 4.69 | 0.71 | Tinggi    |
| 2.  | Seseorang Muslim yang telah menukar agama dan menzahirkannya wajib dikenakan hukuman mati.      | 3.77 | 1.19 | Tinggi    |
| 3.  | Hukuman mati bagi mereka yang murtad adalah hukuman yang zalim.                                 | 3.56 | 1.27 | Sederhana |
| 4.  | Seorang bapa yang menganut agama Islam berhak mengislamkan anaknya yang berumur bawah 17 tahun. | 4.12 | 0.94 | Tinggi    |

|                    |   |      |      |           |
|--------------------|---|------|------|-----------|
| 5.                 | Tiada peruntukan khas undang-undang menghalang seseorang daripada murtad. | 3.17 | 1.18 | Sederhana |
| 6.                 | Amalan kahwin silang agama menjamin hak kebebasan beragama individu.      | 3.87 | 1.12 | Tinggi    |
| <b>Keseluruhan</b> |   | 3.86 | 1.07 | Tinggi    |

Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa kefahaman responden terhadap isu murtad adalah tinggi berdasarkan min keseluruhan 3.86. Ini bermakna responden dalam kalangan mahasiswa Muslim mempunyai kefahaman yang baik berkenaan isu ini. Murtad dilihat sebagai satu jenayah yang wajib dikenakan hukuman yang berat kerana mempunyai hubungan secara langsung dengan keharmonian sesebuah masyarakat dan negara (MAIS 2014; Siti Norayu dan Azizah 2014). Di samping itu, hukuman ini juga adalah kerana antara kewajipan Muslim ialah memelihara dan mempertahankan jati dirinya sebagai seorang Muslim dengan mengamalkan Islam sebagaimana yang diajarkan oleh para ulama sepanjang zaman (Tri Yuliana 2016).

5.2.3 Perkaitan antara kefahaman responden terhadap konsep kebebasan beragama dengan isu keluar agama.

Ujian Spearman digunakan bagi melihat hubungan antara kefahaman responden tentang konsep kebebasan beragama dengan isu keluar agama di Malaysia. Jadual 4 menunjukkan dapatan analisis.

**Jadual 4.** Analisis hubungan antara kefahaman tentang konsep kebebasan beragama dengan isu keluar agama

|                       |            |                         | Konstruk 1 | Konstruk 2 |
|-----------------------|------------|-------------------------|------------|------------|
| <b>Spearman's rho</b> | Konstruk 1 | Correlation Coefficient | 1.000      | 0.150      |
|                       |            | Sig. (2-tailed)         | .          | 0.002      |
|                       |            | N                       | 404        | 404        |
|                       | Konstruk 2 | Correlation Coefficient | 0.150      | 1.000      |
|                       |            | Sig. (2-tailed)         | 0.002      | .          |
|                       |            | N                       | 404        | 404        |

Hasil analisis yang diperolehi menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan positif antara kefahaman responden terhadap konsep kebebasan beragama dengan isu keluar agama dalam Islam iaitu Sig. 0.002. Ini menunjukkan semakin responden memahami hak kebebasan beragama semakin mereka faham dengan isu keluar agama di Malaysia. Ia adalah seperti yang dijelaskan oleh Siti Norayu dan Azizah (2014) bahawa tiada percanggahan antara kedua-dua perkara ini dalam Islam. Ia kerana kebebasan beragama dalam Islam adalah merujuk kepada tidak memaksa penganut agama lain untuk menjadi Muslim. Bagi Muslim, mereka wajib mematuhi segala perintah dan larangan yang telah digariskan termasuk mengakui bahawa keluar agama merupakan satu jenayah dalam Islam serta wajib dihukum.

## 6. Kesimpulan

Kefahaman mahasiswa berkenaan konsep kebebasan beragama mempunyai hubungan dengan kefahaman mereka tentang isu keluar agama atau murtad. Kedua-dua isu ini sering menjadi tumpuan para pendokong hak asasi manusia dengan anggapan bahawa ia adalah perkara yang sama dan selari. Justeru, kefahaman tentang kebebasan beragama dan isu keluar agama perlu diberi tumpuan kepada para mahasiswa agar tidak mudah terpengaruh dengan idea-idea hak asasi manusia dari kaca mata Barat.

## Penghargaan

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Geran Penyelidikan dan Inovasi Kuis (GPIK). No geran KUIS/PB/2016/GPIK1/GPM/015.

## Rujukan

- Abdul Qodir. (1998). Kebebasan pindah agama dalam perspektif hukum Islam dan HAM. *Skripsi Sarjana Hukum Islam. Fakultas Syariah dan Hukum. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.*
- Ahmad Shalaby. (1966). *Masharakat Islam*. Terj. Mukhtar Yahya. Singapura: Pustaka Nasional Sdn. Bhd.
- Al-Alwani, Taha Jabir. (2011). *Apostasy in Islam: A Historical and Scriptural Analysis*. Terj. Nancy Roberts. London: The International Institute of Islamic Thought.
- Al-Maraghi, Ahmad °Abd Allah. (2016). *Daur al-Qanun al-Jina'i fi Himayat Hurriyat al-°Aqidah*. Kaherah: al-Markaz al-Qaumi li al-Isdarat al-Qanuniyyah.
- Al-Sya°rawi al-Sya°rawi, Muhammad Mutawalli. (1991). *Tafsir al-Sya°rawi-Khawatir al-Sya°rawi Hawl al-Qur'an al-Karim*. T.tpt: Akhbar al-Yaum Idarah al-Kutub wa al-Maktabah.
- Cook, David. (2006). Apostasy From Islam: A Historical Persective. *JSAI 31* (2006), 248-288.
- Faisal Ahmad Shah. (2015). Kebebasan Beragama: Analisis Tahap Kefahaman Masyarakat Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Pengajian Islam*, Akademi Islam Kuis. Bil. 8. Isu 1:2015.
- Faridah Jalil dan Rohizan Halim. (2014). Kebebasan beragama: Gambaran Malaysia. *Kanun*, Disember (2014), 220-235.
- Gibson, J.S. (2014). *Mu°jam Mustalahat Huquq al-Insan al-°Alamiy*. Terj. Samir °Izzat Nassar. Amman: Markaz al-Kitab al-Akadimi
- Haji Sa'id Haji Ibrahim. (1996). *Qanun Jinayah Syar'iyah dan Sistem Kehakiman dalam Perundangan Islam Berdasarkan Quran dan Hadith*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.
- Siti Norayu Basir dan Azizah Abdullah. (2014). Murtad: Satu Wacana Sosial. [Atas talian] Didapati daripada: [https://www.researchgate.net/profile/Norayu\\_Basir/publication/269223753\\_Murtad\\_Satu\\_Wacana\\_Sosial/links/548548a70cf24356db60e808/Murtad-Satu-Wacana-Sosial.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Norayu_Basir/publication/269223753_Murtad_Satu_Wacana_Sosial/links/548548a70cf24356db60e808/Murtad-Satu-Wacana-Sosial.pdf) (diakses pada pada 7 Julai 2017).
- Tri Yuliana Wijayanti. (2016). Konsep Kebebasan Beragama Dalam Islam Dan Kristen. *PROFETIKA*, Jurnal Studi Islam. Vol. 17. No. 1. Juni 2016, 16-22.
- °Umar bin °Abd al-°Aziz Quraysyi. (2003). *Samahat al-Islam*. Riyad: Maktabah al-Adib al-Sa°udiyah.

**BIOGRAFI PENULIS**

**Nazneen binti Ismail**, memulakan pengajian peringkat tinggi dalam jurusan Diploma Pengajian Islam (Usuluddin), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kemudian, melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda di Universiti al-Azhar, Mesir dalam bidang Usuluddin pengkhususan Hadith wa Ulumuh. Setelah itu, beliau menyambung pengajian Sarjana Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia. Sejak 2008 hingga kini, beliau bertugas sebagai Pensyarah Usuluddin di Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS. Merupakan ahli dalam beberapa kumpulan penyelidikan antaranya kajian bertajuk Analisis Faktor Tarikan Pelajar ke Program Sarjana Muda Pengajian Islam KUIS (2014-2015), Pendekatan al-Quran dalam Menangani Masalah Sosial: Kajian di Pusat Perlindungan MAIS (2015-2016), Tahap Kefahaman Belia Islam di Lembah Klang tentang Hak Kebebasan Beragama (2016-2017), Amalan Istitabah di Malaysia dari Aspek Sosio Perundangan (2016-2018). Selain itu, turut aktif membentang dan menulis kertas kerja dalam persidangan serta seminar peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa yang dianjurkan. Bidang kajian beliau adalah tafsir, tasawuf, pemikiran dan kemasyarakatan.